


# PROGRAM HARI KESELAMATAN SKN 22 SKUADRON

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3225-program-hari-keselamatan-skn-22-skuadron](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3225-program-hari-keselamatan-skn-22-skuadron)

SUBANG, 23 Mac 18 – Pangkalan Udara Subang, No 22 Skn telah melaksanakan Program Hari Keselamatan yang dikelolakan oleh sel keselamatan yang diadakan di Hangar dan Auditorium No 22 skn. Program ini dimulakan dengan melaksanakan FOD Sweep dan diikuti dengan tayangan video Air Crash Investigation. Dalam masa yang sama Mesyuarat Piawaian Penggal Pertama dan Mesyuarat Keselamatan Suku Tahun Pertama skuadron juga dijalankan. Sejurus selepas mesyuarat tersebut, satu ceramah berkenaan denggi telah disampaikan oleh Pegawai Perubatan Kanan RSAT 819. Program diteruskan lagi selepas solat jumaat satu lagi ceramah dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan.



Turut hadir dalam Program Keselamatan ini adalah Pegawai Memerintah Skuadron, Lt Kol Baharin bin Mohamad TUDM dan Pegawai Eksekutif Skuadron. Pegawai Memerintah mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga Skuadron diatas kejayaan melaksanakan program keselamatan ini. Beliau juga merakam ribuan terima kasih kepada wakil dari skn-skn penerbangan lain yang menghadiri program ini dan beliau juga menambah bahawa program sebegini perlu dilaksanakan bagi memastikan setiap warga skuadron sentiasa peka terdapat keselamatan ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.



